

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

Oktober/November 1995

BOI 260/4 : Ekologi Asas

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Huraikan (dengan menggunakan gambarajah) sebab-sebabnya bilangan paras trofik dalam ekosistem-ekosistem dihadkan ke 3 atau 4 paras.
(20 markah)
2. Berikan huraian mengenai:
 - (a) Kepentingan pengurai sebagai satu komponen biotik dalam ekosistem.
 - (b) Pengeluaran primer bersih (net) dan kasar (gross).
(20 markah)
3. Tulis satu eseи mengenai sesaran ekologi dengan menggunakan contoh tempatan untuk sesaran primer dan sesaran sekunder.
(20 markah)
4. Apakah termoklin? Bincangkan bagaimana pembentukan dan kehilangan termoklin mempengaruhi kelimpahan dan penaburan nutrien, oksigen dan plankton.
(20 markah)
5. Bincangkan stratifikasi tegak untuk vegetasi hutan hujan tropika di Malaysia. Berikan contoh-contoh yang dinamakan untuk setiap stratum.
(20 markah)
6. Tuliskan nota mengenai dua daripada tiga tajuk yang berikut:
 - (a) Kesan Rumah Hijau
 - (b) Lapisan Ozon dan Kesan Pengurangan Lapisan ini
 - (c) Hujan Asid
(20 markah)